

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR : SINAR HARIAN (Hulu Selangor)

TARIKH: 10 FEBRUARI 2018

M/S : 37

PBT perlu jaga ketirisan

SHAH ALAM - Semua pihak berkuasa tempatan (PBT) disarankan meneliti secara menyeluruh pengurusan perolehan masing-masing bagi mengelakkan berlaku ketirisan atau pembaziran wang rakyat sekali gus mencalarkan imej kerajaan negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Selangor (PAC), Ng Suee Lim berkata, kerajaan negeri tegas terhadap perkara itu sekiranya berlaku.

Katanya, PBT perlu memastikan lantikan perolehan dilakukan mengikut undang-undang, tertib dan cermat serta berhemah.

"Kita mahu wang-wang ini dijaga dengan baik supaya tidak berlaku ketirisan sekali gus membolehkan lebih banyak projek atau program dilakukan.

"Perkara ini perlu diambil serius. Penemuan ini dilakukan rawak bukan menyeluruh, jika lebih menyeluruh tentu lebih banyak kelemahan timbul," katanya.